

NewspaperSG

Rabiatul tidak rasa tertekan

Berita Harian, 8 February 2010, Page 14

 Article also available on Microfilm Reel NL30586

Printer-Friendly Page

Rabiatul tidak rasa tertekan

Pesilat ingin lebih fokus terhadap prestasi daripada fikirkan lawan

SILAT

Oleh : I SAPARIN RASIKIN

JUARA Sukan SEA, Rabiatul Adawiyah Yusak, tidak merasakan tekanan untuk beraksi dalam Kejohanan Pencak Silat Asean-Piala Sri Bitara di Tanjung Malim, Perak, dari 10 hingga 14 Februari ini.

Kejohanan itu merupakan yang pertama sejak Rabiatul memenangi pingat emas acara seni tunggal puteri di Sukan SEA Laos Disember lalu.

Beliau menyifatkan kejayaan di Laos sudah menjadi sejarah dan tahun 2010 pula bermulanya babak baru.

Beliau ghairah untuk menghadapi pertandingan-pertandingan antara-bangsa yang telah diatur oleh Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

saparin@sph.com.sg

“Sungguhpun turun sebagai juara Sukan SEA, ia tidak menjadi tekanan ke atas saya,” jelas gadis berusia 20 tahun yang lebih mesra dengan panggilan ‘Bit’ itu.

“Saya sedar para pesilat dari negara-negara lain tentu telah atau sedang berusaha meningkatkan prestasi mereka. Tetapi saya lebih fokus terhadap persembahan saya sendiri daripada memikirkan tentang lawan.”

Menurut Bit, beliau telah bekerja keras sejak latihan skuad nasional bermula pada 18 Januari lalu.

“Mungkin kecergasan saya belum mencapai tahap yang tinggi, namun saya percaya dapat menyesuaikan diri bagi menunjukkan persembahan yang baik,” katanya.

“Saya tetap turun dengan yakin tanpa rasa gugup kerana percaya terhadap kemampuan saya. Pada masa yang sama, saya tetap menghormati setiap lawan.”

Buat masa ini Bit belum tahu senarai pesaingnya dalam kejohanan yang julung-julung kalinya diadakan, tetapi menjangkakan Vietnam, Indonesia dan tuan rumah, Malaysia, akan mengemukakan pesilat-pesilat terbaik

mereka.

Selain daripada Bit, Singapura meletakkan harapan kepada para peserta senior seperti pesilat kembar, Mohd Saifullah dan Mohd Saifuddin Mohd Julaimi; Mohd Elyasak Said dan Muhd Nur Shafiq Mohd Saiful – yang masing-masing memenangi pingat gangsa di Sukan SEA Laos.

Begitu juga dengan Zulkhairil Zulkhanif, Nurindah Mursani dan Nur Zulaikha Zakaria yang gagal memenangi sebarang pingat.

Ketua jurulatih, Mohd Hidayat Hosni, berkata: “Kami mempunyai sasaran tertentu dan memenangi pingat sebagai motivasi bagi setiap pesilat.

“Tetapi yang lebih kami harapkan sejauh mana mereka dapat menerapkan teknik dan kecekapan yang ditunjukkan semasa latihan apabila turun bertanding.

“Kejohanan pertama ini merupakan kesempatan baik bagi para pesilat, terutama yang bertanding di Sukan SEA lalu, menunjukkan kemajuan persembahan mereka.

“Saya percaya setiap pesilat yang turun bertanding mahu memenangi pingat dan menjadikannya rangsangan untuk menunjukkan prestasi terbaik mereka.”

Menurut Hidayat, yang mengetuai kontinjen enam pegawai dan 19 pesilat, rombongannya akan berlepas dengan menaiki bas ke Johor Bahru pagi ini sebelum meneruskan perjalanan dengan kereta api ke Perak.



RABIATUL ADAWIYAH YUSAK: Sedar para pesilat dari negara-negara lain tentu telah atau sedang berusaha meningkatkan prestasi mereka. – Foto **KHALID BABA**

• Foto **KHALID BABA**